

Newspaper

Berita Harian

Date

29 December 2015

# Boleh mohon, kemas kini BR1M 2016 hingga Khamis

BH - 29/12/2015

» Orang ramai disaran guna laman web, isi borang di pejabat LHDN

Oleh Haika Khazi  
mfaizul@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Orang ramai yang mahu memohon atau mengemas kini permohonan mendapatkan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) 2016 boleh berbuat demikian sekarang hingga Khamis ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata mereka yang berminat boleh berbuat demikian menerusi laman web <https://ebr1m.hasil.gov.my> atau mengisi borang di pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang berhampiran.

"Permohonan #BR1M2016 akan ditutup 31 Disember ini. Sekiranya belum memohon

atau mengemas kini, segera lakukan di <https://ebr1m.hasil.gov.my/> atau dapatkan borang dan isi serta kembalikan di cawangan LHDN atau pusat khidmat hasil di UTC (Pusat Transformasi Bandar) berhampiran.

"Insya-Allah, sekiranya permohonan lengkap dan anda layak, pembayaran BR1M akan mula diberikan secara berperingkat pada 28 Januari 2016," katanya dalam kenyataan menerusi laman Facebooknya di sini, semalam.

## Diperkenal 2012

Perdana Menteri ketika membentangkan Bajet 2016 mengumumkan pemberian BR1M yang mula diperkenalkan pada 2012 akan diteruskan bagi memanfaatkan sebanyak 4.7 juta isi rumah dan 2.7 juta individu bujang dengan peruntukan RM5.9 bilion.

Malah, satu kategori baharu penerima bantuan sekali (one off) iaitu penerima dalam senarai e-Kasih yang berpendapatan bulanan di bawah RM1,000 akan menerima BR1M sebanyak RM1,050.

Sejajar dengan Aku Janji Ke-

“

Insya-Allah, sekiranya permohonan lengkap dan anda layak, pembayaran BR1M mula diberi secara berperingkat pada 28 Januari 2016”

Najib Razak,  
Perdana Menteri



rajaan Barisan Nasional (BN), jumlah BR1M untuk tahun 2016 dinaikkan, dengan isi rumah berpendapatan bulanan RM3,000 ke bawah, BR1M ditingkatkan daripada RM950 kepada RM1,000.

Bagi isi rumah berpendapatan antara RM3,001 hingga RM4,000, pemberian BR1M ditingkatkan daripada RM750 ke-

pada RM800, manakala pemberian RM1,000 untuk Skim Khairat Kematian diteruskan.

## Bantuan ditambah

Bagi kategori individu bujang berumur 21 tahun dan ke atas, serta berpendapatan tidak lebih RM2,000 sebulan, kadar bantuan ditingkatkan daripada RM350 kepada RM400.